

## KHUTBAH JUMAAT

### “ZAKAT DILAKSANA, HAK ASNAF TERBELA”

(1 Mei 2026M/ 13 Zulkaedah 1447H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا، وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْ لَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya, takwa merupakan sebaik-baik bekalan dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Berikanlah tumpuan yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan, hindari perkara-perkara *lagha*, berbual-bual dan berinteraksi dengan telefon bimbit di tangan. Mudah-mudahan kita meraih kesempurnaan ganjaran solat Jumaat yang dijanjikan.

Berikutan isu yang hangat diperkatakan mutakhir ini yang berkaitan dengan zakat, marilah kita bersama-sama mengambil iktibar dan menginsafi bahawa zakat adalah ibadah harta yang mempunyai peranan yang besar dalam membantu golongan asnaf dan

memakmurkan ekonomi umat Islam. Maka, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Zakat Dilaksana, Hak Asnaf Terbela**” agar kita semua memahami kepentingan menunaikan zakat melalui saluran yang sah dan pengagihan secara telus kepada golongan asnaf yang berhak menerimanya.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Zakat adalah ibadah yang penting dan merupakan salah satu daripada Rukun Islam. Zakat melibatkan harta dan masalah umat Islam. Oleh sebab itu, zakat sangat sensitif kerana boleh terdedah kepada penyelewengan. Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* telah menetapkan suatu prinsip yang jelas bahawa urusan zakat mesti dikawal selia secara ketat oleh pemerintah.

Daripada Abu Humaid al-Sa’idiy (أَبُو حُمَيْدٍ السَّاعِدِيِّ) *radiallahu anhu*,

beliau menyampaikan hadis yang bermaksud :

(( *Nabi sallallahu alaihi wasallam telah melantik seorang lelaki daripada kabilah al-Asdi bernama Ibnu al-Lutbiyyah sebagai amil zakat. Setelah pulang, beliau berkata, "Ini untukmu (harta zakat), dan yang ini adalah hadiah yang diberikan kepadaku."* Kemudian Baginda *sallallahu alaihi wasallam* berdiri di atas mimbar (setelah mengetahui hal itu) lalu memuji Allah *subhanahu wata'ala* dan bersabda: (( *Apakah yang terjadi dengan seorang amil (petugas) yang aku utus? Lalu dia berkata: "Ini untuk mu dan ini dihadihkan kepadaku"*? Mengapakah dia tidak duduk sahaja di rumah bapanya

atau ibunya, kemudian dia lihat adakah dia akan diberi hadiah atau tidak?))

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahawa pengurusan zakat berada di bawah pemantauan yang ketat, serta menuntut tahap integriti yang tinggi dalam kalangan amil. Pengurusan zakat mesti diurus secara sistematik dan telus oleh pihak berautoriti. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Taubah, ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ (١٠٣)

**Maksudnya:** *Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Majlis Islam Sarawak melalui Tabung Baitulmal Sarawak bertanggungjawab untuk menguruskan semua yang berkaitan dengan kutipan dan agihan zakat di Sarawak. Justeru, hanya amil yang dilantik secara sah sahaja dibenarkan untuk melaksanakan urusan kutipan zakat.

Perlu difahami bahawa pengurusan zakat adalah berkait dengan

pengurusan agama Islam yang berada di bawah bidang kuasa negeri. Setiap negeri mempunyai sistem pungutan dan agihan tersendiri bagi memastikan kebajikan asnaf diurus dengan teratur. Oleh sebab itu, pihak dari luar tidak sepatutnya melangkaui sempadan negeri untuk membuat kutipan zakat tanpa kebenaran pihak berkuasa negeri lain.

Tindakan seperti itu bukan sahaja melanggar peruntukan undang-undang, bahkan boleh mengganggu perancangan agihan zakat yang telah disusun rapi. Seterusnya, menjejaskan hak asnaf setempat yang sepatutnya dibantu dan diperkasa sehingga mereka mampu keluar daripada belenggu kesusahan.

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-23 telah memutuskan bahawa:

- i. Pengagihan zakat kepada asnaf yang layak haruslah dilaksanakan melalui pemerintah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut berdasarkan Kaedah Fiqh:

تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

**Maksudnya:** *Sesuatu yang dilakukan pemerintah ke atas rakyatnya adalah bergantung kepada masalah (kepentingan umum).*

- ii. Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam

perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau *Ulil Amri* dalam perkara kebaikan adalah wajib.

Oleh itu, adalah menjadi kewajipan kepada setiap orang Islam untuk mengeluarkan zakat kepada pemerintah menerusi Tabung Baitulmal Sarawak sebagai sebuah institusi yang berautoriti. Firman Allah *Subhanahu wataala* dalam Surah an-Nisa, ayat 59 yang bermaksud:

*"Wahai orang yang beriman, taatlah kepada Allah, dan taatlah kepada rasul, dan pemimpin dalam kalangan kamu ..."*

Sehubungan dengan itu, semua pihak hendaklah mematuhi dan menghormati fatwa Sarawak, khususnya dalam hal menunaikan zakat. Zakat yang dikutip dalam sebuah negeri hendaklah diagihkan kepada asnaf dalam negeri tersebut. Hal ini penting bagi memastikan hak asnaf setempat terpelihara, di samping mengelakkan kita daripada terjerumus dalam perkara yang menyalahi hukum syarak dan melanggar undang-undang.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Dalam memastikan keberkesanan agihan zakat, Islam menggariskan agar ia diuruskan dengan telus dan bertanggungjawab. Ini kerana wang zakat merupakan harta yang telah ditetapkan kategori (asnaf) penerimanya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Taubah, ayat 60 yang maksudnya:

"Sesungguhnya, sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, dan orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

Dalam masa yang sama, umat Islam juga perlu memahami bahawa pengurusan zakat tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya, termasuk dalam hal memindahkan harta zakat ke negeri lain. Perbuatan membawa keluar dana zakat ke negeri lain dikira sebagai memindahkan harta zakat. Imam al-Nawawi *rahimahullah* menyebutkan di dalam kitabnya *Minhaj al-Talibin*:

"وَالْأَظْهَرُ مَنَعُ نَقْلِ الزَّكَاةِ"

**Maksudnya:** *Dan pandangan yang paling kuat (rajih) daripada Imam al-Syafie adalah dilarang memindahkan harta zakat".*

Zakat sepatutnya diutamakan kepada asnaf di tempat seseorang mencari rezeki. Jika ia dibawa keluar ke negeri lain tanpa keizinan *Ulil Amri* (pemerintah), hak asnaf setempat akan terabai dan berlaku kezaliman ke atas mereka. Oleh itu, jika sesiapa yang mempunyai maklumat berkaitan individu atau kumpulan yang mengutip zakat tanpa tauliah, sila salurkan maklumat kepada pihak Tabung Baitulmal Sarawak untuk tindakan selanjutnya. Jangan berdiam diri

dan menyembunyikan perkara salah yang berlaku, bimbang kita tergolong dalam golongan yang membantu kemungkaran kerana menzalimi dan menafikan hak asnaf.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting:

**Pertama:** Umat Islam hendaklah menunaikan zakat kepada amil yang bertauliah, kerana zakat merupakan ibadah yang tertakluk kepada kawal selia pihak berautoriti bagi menjamin ketelusan sehingga sampai kepada asnaf yang berhak.

**Kedua:** Umat Islam hendaklah menunaikan zakat di negeri tempat menetap atau di negeri tempat mencari rezeki.

**Ketiga:** Majlis Islam Sarawak melalui Tabung Baitulmal Sarawak berperanan mengurus dan menyelia dana zakat dengan penuh tanggungjawab, telus dan sistematik. Sekiranya terdapat pihak yang tidak dilantik mengutip zakat, umat Islam hendaklah melaporkan kepada pihak berkuasa agama.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Ma'idah, ayat 55:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ  
الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ (٥٥)

**Maksudnya:** *Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah, dan Rasul-Nya, serta orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang, dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah).*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, agar hidup kita mendapat berkat. Imam at-Tabarani *rahimahullah* meriwayatkan daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhuma* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( ... وَأَيُّمَا عَبْدٍ نَبَتَ لَحْمُهُ مِنَ السُّحْتِ وَالرِّبَا فَالْتَّارُ أَوْلَى بِهِ ))

**Maksudnya:** Sesiapa sahaja daripada kalangan manusia, dagingnya itu tumbuh dari perkara yang haram dan amalan riba, api nerakalah yang patut (untuk membakar dan menghilangkan) daging tersebut.

Hindarkanlah diri dan keluarga kita daripada segala perkara yang boleh memudaratkan seperti penyalahgunaan dadah, bahan inhalan

dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

**Maksudnya:** *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

**Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim,** bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

**Ya Allah, Ya Ghaffaar,** ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

**Ya Allah,** Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

**Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim,** berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

**Ya Allah, Ya Hafiz,** Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami

ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesehatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.